



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 5/2022**

**Ekonomi Malaysia dijangka akan terus berkembang selepas prestasi yang
memberangsangkan pada suku tahun pertama**

PUTRAJAYA, 27 MEI 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 5/2022**. Penerbitan ini bermatlamat untuk menghebahkan kepada orang awam mengenai senario ekonomi terkini berdasarkan statistik makroekonomi rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini memfokuskan kepada statistik yang dikeluarkan bagi bulan Mac dan suku tahun pertama 2022. Di samping itu, laporan ini juga memuatkan artikel bertajuk "Adakah Import Daging Ternakan Mampu Menstabilkan Harga Di Pasaran?".

Mengulas senario sosioekonomi semasa, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kebanyakan negara telah mencatatkan prestasi yang lebih baik pada suku tahun pertama 2022 yang menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi sedang berlaku meskipun berhadapan pelbagai krisis global berterusan yang menyebabkan gangguan dalam rantai bekalan, tekanan inflasi dan desakan untuk mengetatkan dasar monetari. European Union, United Kingdom dan United States of America merekodkan pengembangan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Trend yang sama turut diperhatikan di rantau Asia seperti China, South Korea, Philippines dan Thailand. Bagi Malaysia, KDNK berkembang lebih baik daripada jangkaan sebanyak 5.0 peratus pada suku tahun pertama 2022 selepas mencatatkan pertumbuhan 3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya."

Beliau menambah, "Beberapa petunjuk ekonomi utama negara mencatatkan trajektori positif pada suku tahun pertama 2022. Melihat kepada sektor luaran, Imbangan Akaun Semasa kekal mencatatkan lebihan pada RM3.0 bilion, terutamanya disokong oleh

eksport bersih akaun Barangan. Prestasi pelaburan juga bertambah baik dengan Pelaburan Langsung Asing merekodkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM24.4 bilion manakala Pelaburan Langsung di Luar Negeri mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.6 bilion. Perdagangan terus merekodkan prestasi kukuh di mana jumlah dagangan mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 23.6 peratus kepada jumlah RM624.9 bilion. Petunjuk ekonomi utama lain turut mencatatkan peningkatan pada suku tahun ini. Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 4.5 peratus manakala indeks volum Perkhidmatan tumbuh 7.1 peratus. Selari dengan perkembangan ekonomi pada suku tahun pertama 2022, bilangan pekerja meningkat 2.2 peratus kepada 15.57 juta orang manakala kadar pengangguran menurun kepada 4.1 peratus dengan mencatatkan bilangan penganggur seramai 671.2 ribu orang.”

Dari segi prestasi pada Mac 2022, Ketua Perangkawan berkata, "Indeks Pengeluaran Perindustrian mencatatkan pertumbuhan 5.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, disokong oleh indeks Pembuatan yang meningkat 6.9 peratus dipacu oleh output berorientasikan eksport dan domestik. Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat sebanyak 13.9 peratus kepada RM144.6 bilion. Prestasi kukuh ini diterajui oleh Produk Elektrik & Elektronik, Produk Makanan, Minuman & Tembakau dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik. Bagi segmen harga, Indeks Harga Pengguna (IHP) kekal melebihi purata inflasi Malaysia bagi tempoh 2011 hingga Mac 2022 (1.9%). IHP bagi Mac meningkat 2.2 peratus tahun ke tahun terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi pengeluaran tempatan juga mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 11.6 peratus berbanding 9.7 peratus pada Februari 2022.”

Mengakhiri kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks pelopor meningkat sebanyak 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 111.3 mata, menunjukkan prestasi yang lebih baik dan menggalakkan dalam ekonomi Malaysia. Selain itu, Statistik Kecenderungan Perniagaan memperihalkan bahawa sentimen perniagaan kekal positif pada suku tahun kedua 2022, manakala untuk enam bulan akan datang, sentimen peniaga yang optimistik terhadap prospek perniagaan mereka. Merujuk kepada indikator tersebut, Malaysia optimis bahawa pemulihan ekonomi akan terus berdaya tahan pada suku tahun ketiga 2022 namun masih terdedah kepada risiko luaran dan tekanan menurun."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

27 MEI 2022



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 5/2022

***Malaysia's economy is expected to expand further after a favourable
performance in the first quarter***

PUTRAJAYA, 27th APRIL 2022 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 5/2022**. This publication aims to keep the public informed on the most current economic scenario based on the official macroeconomic statistics by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). This report focuses on the statistics released for March and the first quarter of 2022. In addition, this report also features an article entitled "Will Imports for Livestock Meat Be Able to Stabilise Prices in the Market?".

Commenting on the current socioeconomic scenario, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Many countries recorded a better performance in the first quarter of 2022 indicating that economic improvement is underway in spite of multiple ongoing global crises causing disruptions in the supply chain, inflationary pressure and pushing for tightening of monetary policies. The European Union, United Kingdom and United States of America recorded expansion of Gross Domestic Product (GDP). A similar trend was also observed in the Asian region like China, South Korea Philippines and Thailand. As for Malaysia, the GDP grew better-than-expected by 5.0 per cent in the first quarter of 2022 after registering 3.6 per cent growth in the previous quarter."

He added, "Several key country's economic indicators registered a positive trajectory in the first quarter of 2022. With regards to external sector, the Current Account Balance remained surplus at RM3.0 billion, mainly supported by the net exports of Goods account. Investment performance also improved, with Foreign Direct Investment recording a higher net inflow of RM24.4 billion whilst Direct Investment Abroad posted a lower net outflow of RM3.6 billion. Trade continued with its robust performance whereby total trade posted a double-digit growth of 23.6 per cent amounted to RM624.9 billion. Other key

economic indicators also recorded an increase in this quarter. Industrial Production Index rose by 4.5 per cent while Services volume index grew by 7.1 per cent. In line with the expansion in the economy during the first quarter of 2022, the number of employed persons rose 2.2 per cent to 15.57 million persons while unemployment rate fell to 4.1 per cent recording 671.2 thousand unemployed persons.”

In terms of the performance in March 2022, the Chief Statistician said, "Industrial Production Index posted 5.1 per cent as compared to the same month of the previous year, backed by Manufacturing index which rose 6.9 per cent driven by exports and domestic-oriented outputs. The sales value of Manufacturing sector grew by 13.9 per cent to RM144.6 billion . This sturdy performance was led by Electrical & Electronics Products, Food, Beverages & Tobacco Products and Petroleum, Chemical, Rubber & Plastic Products. On the prices segment, Consumer Price Index (CPI) remained above Malaysia's average inflation rate from 2011 to March 2022 (1.9%). The CPI for March rose by 2.2 per cent year-on-year primarily due to the increase in Food & Non-Alcoholic Beverages division. The Producer Price Index (PPI) for local production also posted a double-digit growth of 11.6 per cent increased by 11.6 per cent compared to 9.7 per cent in February 2022.”

Concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The leading index grew by 0.4 per cent month-on-month to 111.3 points, indicating an improved and favourable performance in Malaysia's economy. In addition, the Business Tendency Statistics highlighted that business sentiment remained positive for the second quarter of 2022, whilst in the forthcoming six months, the sentiment of businesses is also optimistic on their business outlook. Considering these said indicators, Malaysia is optimistic that the economic recovery will continue to be resilient into the third quarter of 2022, notwithstanding external risks and downward pressure."

The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January to 31st December 2022. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

27th MAY 2022